

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah di kawasan Parlimen Igan yang akan dibina baru atau dibaik pulih di bawah perancangan sekolah daif. Senaraikan sekolah-sekolah yang terlibat dan bila akan dilaksanakan serta nyatakan kos setiap satu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sekolah di bawah Parlimen Igan yang telah disenaraikan untuk dinaik taraf melalui beberapa projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi projek RM1 billion yang melibatkan tiga (3) fasa, dua (2) buah sekolah iaitu SK Bawang Tian, Daro dan SK Kg.Tebaang, Daro telah dicadangkan untuk dinaik taraf di dalam Fasa 2. Manakala empat (4) buah sekolah di daerah Daro yang telah dicadang untuk dinaik taraf dalam Fasa 3 ialah SK Sok, SK Abang Buyuk, SK Kg.Betanak dan SK Kg.Pergau.

Selain daripada itu, pembinaan SMK Matu, Daro telah diluluskan dalam projek RMKe-11 (*rolling plan 2*) iaitu melibatkan pembinaan gantian penuh 28 bilik darjah, asrama bagi 250 murid dan kemudahan lain dengan anggaran kos sebanyak RM75 juta. Projek ini di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya, Sarawak. Penawaran tender dijangka pada Disember 2019. Kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik perolehan dimuktamadkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tujuh (7) buah sekolah daif di Parlimen Igan telah dinaik taraf dan dibangunkan semula dengan kos projek berjumlah RM65.31 juta meliputi enam (6) projek yang dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu SK Kpg Pangtray, SK Ulu Daro, SK Nangar, SK Orang Kaya Sergunim, SK Bruan Mapal dan SK Kpg Penasu Daro manakala sebuah sekolah dinaik taraf pada tahun 2017 iaitu SK Kuala Matu. Kesemua projek ini telah siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.